

UMS berjaya perolehi pengiktirafan pensijilan OSHMS

NST 8-5-2015 1

OLEH MARRYAN RAZAN
marryan@newsabahtimes.com.my

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) berjaya memperoleh pengiktirafan pensijilan Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHMS) bagi OHSAS 18001 dan MS 1722.

Sijil pengiktirafan itu disampaikan oleh Pengerusi Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) Tan Sri Lee Lam Thee kepada Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah, di Bangunan Canselori UMS, di sini, kelmarin.

Pengiktirafan pensijilan itu merangkumi Pejabat Pentadbiran Canselori, Bahagian Audit Dalam, Pusat Islam UMS, Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Pusat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan Pusat Pengurusan EcoCampus UMS.

Ketika berucap pada majlis itu Lee berharap skop pensijilan itu dapat diperluaskan bagi jabatan dan fakulti lain dan seterusnya bagi keseluruhan kampus UMS.

"Kejayaan ini menunjukkan komitmen tinggi pihak pengurusan UMS terhadap keperluan keselamatan dan kesihatan pekerjaan bagi kakitangan, pelajar, kontraktor dan mana-mana pihak serta individu yang berurusan di universiti ini.

"Kesungguhan Bahagian Canselori ini diharapkan menjadi pendorong kepada jabatan-jabatan dan juga fakulti lain di UMS untuk melaksanakan Sistem Pengurusan Keselamatan Pekerjaan ini di tempat masing-masing," katanya.

Lee berkata, pelaksanaan sistem pengurusan itu memberi banyak manfaat bukan sahaja kepada organisasi dan anggota kerja tetapi juga kepada keseluruhan masyarakat setempat dan terhadap pembangunan negara.

"Dengan adanya sistem pengurusan ini, Bahagian Canselori UMS dapat membuat pemantauan, pengukuran dan pengesahan terhadap prestasi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan mereka secara sistematik dan berkesanan," katanya.

Beliau yakin dengan pensijilan itu akan mewujudkan standard amalan dan budaya keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang lebih tinggi di kalangan warga UMS khususnya di Bahagian Canselori dan seterusnya menghasilkan rekod pencapaian yang lebih baik bagi keseluruhan jabatan itu.

"Inisiatif dan pendekatan yang diambil oleh Bahagian Canselori ini satu langkah positif dan proaktif. Semoga usaha ini menjadi pemangkin kepada jabatan dan fakulti lain serta institut pengajian tinggi yang ada di Malaysia umumnya untuk memperoleh pensijilan keselamatan dan kesihatan pekerjaan," katanya.

Beliau berkata, ini kerana keselamatan, kesihatan dan kebajikan warga kerja dalam semua sektor ekonomi adalah tanggungjawab bersama.

"Kemalangan di tempat kerja akan memberi kesan negatif ke atas tenaga kerja dan ia perlu ditangani bagi menghadapi cabaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja.

"Adalah tidak mencukupi dengan hanya mengadakan arahan kerja kepada pekerja tanpa



SAMPAIKAN ... Lee (dua dari kiri) menyampaikan Sijil Pengiktirafan kepada Dr Mohd Harun (dua kanan) pada majlis itu.

melengkapkan mereka dengan pendidikan dan latihan yang bersesuaian demi membantu mereka memahami kepentingan dalam mengurangkan risiko keselamatan dan kesihatan pekerjaan mereka," katanya.

Lee berkata, oleh kerana pekerja perlu dijamin tentang hak mereka terhadap keselamatan dan persekitaran kerja yang sihat, adalah menjadi suatu keperluan untuk menyediakan mereka dengan maklumat, pendidikan dan latihan yang terkini supaya pekerja mengetahui cara terbaik untuk melindungi diri.

Beliau berkata kajian menunjukkan pencapaian sesebuah organisasi sangat berhubung kait dengan pelaksanaan sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang

baik.

"Antara kepentingan Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang efektif ialah dapat menjimatkan kos operasi sesebuah organisasi. Di mana majikan dapat menjimatkan kos perbelanjaan, perubatan, bayaran pampasan pekerja yang tercedera, tuntutan insurans yang keterlaluan, bayaran pekerja pengganti dan bayaran premium insurans.

"Selain itu ia juga dapat mengurangkan kemalangan akibat pekerjaan, penyakit pekerjaan dan kos yang berkaitan, meningkatkan prestasi melalui moral pekerja yang baik dan patuh terhadap polisi organisasi, mematuhi perundangan dan memupuk budaya kerja selamat," katanya.